

# Ekonomi mesra perniagaan, pelabur mampu kawal deflasi



➔ Peniaga perlu rancang strategi elak pola niaga terjejas

Oleh Nurhayati Abillah  
nurhayatiabillah@bh.com.my

**P**enggubalan dasar ekonomi yang mesra perniagaan dan pelabur serta mengambil kira kedudukan kewangan semasa kerajaan adalah penting untuk membendung deflasi daripada berpanjangan, kata ahli ekonomi.

Ia bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi tidak terencat dan kesan deflasi dapat dikawal dengan kerancangan aktiviti ekonomi melalui program rangsangan tertentu, yang meningkatkan permintaan terhadap bar-

ngan serta perkhidmatan.

## Permintaan lemah

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata deflasi yang berlaku pada bulan lalu berkemungkinan bersifat sementara, namun menegaskan ia sememangnya boleh dikaitkan dengan permintaan yang lemah.

"Peniaga perlu merancang strategi perniagaan mereka dengan lebih berhati-hati terutama dari sudut pengurusan kos perniagaan, selain sentiasa dinamik dalam mencorakkan strategi perniagaan yang mengambil kira faktor kitaran ekonomi," katanya.

Ditanya sama ada pembedahan perbelanjaan oleh kerajaan berikutan semakan semula beberapa projek mega mempengaruhi deflasi, beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 4.7 peratus pada 2018 masih lagi dikira stabil memandangkan pertumbu-

han potensi negara dianggarkan sekitar 4.8 peratus.

"Justeru, pertumbuhan negara tahun lalu dilihat masih lagi seiring dengan kadar pertumbuhan potensinya," katanya.

Ditanya kemungkinan Bank Negara Malaysia (BNM) akan campur

## Info

### Deflasi

➔ **Merujuk** kepada penurunan harga umum barangan dan perkhidmatan yang berterusan di bawah inflasi sifar.

➔ **Dianggap** sebagai satu masalah dalam ekonomi moden kerana potensinya dengan kemelesetan.

tangan dalam dasar monetari bagi tempoh terdekat ini, Mohd Afzanizam berkata, perkara berkenaan amat bergantung kepada prospek pertumbuhan ekonomi.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata banyak faktor yang menyumbang kepada deflasi tetapi bagi kes di Malaysia faktor utama ialah kejatuhan harga minyak dunia.

"Peningkatan harga minyak menyebabkan kos pengangkutan mengalami penurunan sebagai 7.8 peratus berbanding tahun lalu.

"Bagi mengurangkan impak itu, pengeluar atau syarikat perlu memastikan mereka tidak berada di dalam tahap keberhutangan tinggi kerana deflasi boleh menjejaskan pola perniagaan mereka sekali gus mampu memberi kesan terhadap kemampuan mereka untuk membayar hutang," katanya.

Deflasi yang berlaku pada bulan lalu berkemungkinan bersifat sementara, namun menegaskan ia sememangnya boleh dikaitkan dengan permintaan yang lemah"

Mohd Afzanizam  
Abdul Rashid,  
Ketua Penganalisis Ekonomi  
Bank Islam Malaysia Bhd

## EKSPLO KEMPEN PEMILIKAN RUMAH 2019

# 25 pemaju tawar 17,348 unit kediaman

**Sebanyak** 25 pemaju mengesahkan akan menawarkan kira-kira 17,348 unit rumah yang dianggarkan bernilai RM11.8 bilion pada Ekspo Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019.

Ekspo yang akan berlangsung pada 1 hingga 3 Mac depan bakal menawarkan rumah berharga di bawah RM300,000, sekali gus menjadi peluang terbaik kepada orang ramai memiliki rumah.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata ekspo hartanah yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut disertai lebih 50 syarikat pemaju terkemuka.

## Projek sekitar Lembah Klang

"Sebahagian pemaju masih lagi memvemark dan menyu-

yang dirancang untuk dijual pada ekspo hartanah yang akan berlangsung pada hujung minggu ini.

"Kebanyakan unit rumah pada ekspo ini adalah projek di sekitar Lembah Klang yang membabitkan rumah siap dan projek yang sedang dibangunkan, sekali gus memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli.

## Penyuh keperluan

"Dengan tawaran harga rumah yang berbeza, ekspo kali ini memenuhi keperluan pelbagai peringkat kumpulan pendapatan, sama ada rendah, sederhana mahupun tinggi," katanya pada sidang media ekspo itu di Petaling Jaya, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Ekspo HOC 2019, Datuk NK Tong.

Ekspo hartanah itu akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan

Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada hari pertama.

## 5 bank sertai ekspo

Soam berkata, selain pemaju, ekspo itu akan disertai oleh lima institusi kewangan seperti Maybank, RHB Bank, Public Bank, Hong Leong Bank dan Standard Chartered Bank bagi membantu memudahkan urusan transaksi semakan dan pembelian.

"Pavilion Kerajaan juga akan diwujudkan yang akan menampilkan projek oleh KPKT, Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan UDA Holdings Bhd," katanya.

Selain itu, ekspo itu turut mengadakan sesi sembang hartanah bersama pakar industri seperti Faizul Ridzuan dan Ahyat Ishak yang akan memberi perkongsian dalam dunia hartanah tem-